

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[ PASIR MAS ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan yang bergraduat di peringkat ijazah Sarjana Muda setiap tahun di Malaysia bermula tahun 2018 sehingga kini dan strategi Kementerian bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan baru terutama selepas wabak COVID-19 melanda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semasa musim konvokesyen sepanjang tahun 2018 sehingga 2020 adalah:

- (i) seramai 341,311 orang pelajar telah bergraduasi pada tahun **2018**;
- (ii) 346,686 orang pelajar bergraduasi pada tahun **2019**; dan
- (iii) 18,593 orang pelajar bergraduasi pada tahun **2020**.

Manakala, data bagi bilangan graduan yang telah bergraduasi pada tahun **2021**, hanya akan dapat diperolehi seawal bulan Februari 2022. Daripada jumlah pelajar yang telah bergraduasi bagi tahun 2018 sehingga 2020 tersebut, bilangan graduan di peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah:

- (i) seramai 139,741 orang pelajar iaitu 40.9 peratus pada tahun 2018;
- (ii) seramai 139,520 orang pelajar iaitu 40.2 peratus pada tahun 2019; dan
- (iii) seramai 131,045 orang pelajar iaitu 41.1 peratus pada tahun 2021.

Walaupun bilangan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang bergraduasi pada tahun 2020 menurun bilangannya berbanding dua tahun sebelumnya, namun dari segi peratusan keseluruhan mengikut peringkat pengajian, terdapat peningkatan sebanyak 0.9 peratus. Berhubung strategi Kementerian bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan baru terutama selepas wabak COVID-19 melanda, kementerian telah menggariskan empat (4) strategi untuk dilaksanakan. Strategi yang dimaksudkan adalah:

- i. memantapkan pelaksanaan program reskilling dan upskilling;
- ii. memudah cara pelajar untuk melanjutkan pengajian;
- iii. melaksanakan padanan pekerjaan kepada graduan yang masih belum bekerja; dan
- iv. meningkatkan pelaksanaan program-program keusahawanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[PASIR MAS]**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah hotel dan rumah tumpangan berdaftar di seluruh negara yang terpaksa ditutup akibat wabak pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Umum mengetahui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan dalam membendung penularan COVID-19 telah memberikan impak yang besar kepada semua jenis perniagaan. Sektor pelancongan dan perhotelan sememangnya antara yang paling terkesan. Ada pihak hotel yang menutup terus perniagaan mereka, namun ada juga yang memilih untuk tidak beroperasi semasa pelaksanaan PKP dan menunggu masa sesuai untuk aktif semula.

2. Berdasarkan data yang diperoleh daripada Persatuan Hotel Malaysia (MAH), dari Mac 2020 sehingga Oktober 2021, penutupan hotel ini telah dikategorikan kepada dua (2) iaitu penutupan sepenuhnya dan penutupan sementara.

3. MAH melaporkan sebanyak 55 buah hotel telah terlibat dalam kategori penutupan sepenuhnya. Manakala sebanyak 86 buah hotel telah terlibat dalam kategori penutupan sementara. Walau bagaimanapun, maklumat ini hanyalah terhad kepada hotel-hotel yang telah menjadi ahli persatuan hotel yang diperoleh datanya dari MAH sahaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai semua lantikan bertaraf menteri yang dibuat oleh Perdana Menteri ke-9 serta fungsi, elaun, emolumen, pencen, ganjaran dan kemudahan khas yang mereka perolehi sejak dilantik sehingga kini.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Terdapat empat (4) lantikan bertaraf menteri yang dibuat oleh Perdana Menteri ke-9 adalah seperti berikut :
  - a) Duta Khas kepada YAB Perdana Menteri ke Timur Tengah;
  - b) Duta Khas kepada YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China;
  - c) Duta Khas kepada YAB Perdana ke Jepun, Korea Selatan & Taiwan dan
  - d) Pengerusi Majlis Pemulihan Negara
  
2. Berdasarkan kontrak perkhidmatan yang telah dimuktamadkan, emolumen yang diterima oleh ketiga-tiga duta khas ini adalah RM27,227.20. Mereka juga ditawarkan beberapa kemudahan lain seperti kemudahan telefon bimbit, Kenderaan, Pemandu dan Pejabat. Tiada sebarang elaun dan emolumen yang diperuntukkan bagi Pengerusi Majlis Pemulihan Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED  
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [Lembah Pantai]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai semua projek yang telah diberi oleh Kerajaan secara rundingan terus dari 11 Januari 2021 sehingga 1 Ogos 2021, nama syarikat yang menerima projek tersebut, nilai projek, dan status terkini projek.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tempoh darurat telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menangani isu dan kesan pandemik wabak Covid-19. Dalam tempoh ini, Kerajaan telah dan terus berusaha untuk merencanakan aktiviti ekonomi melalui pengenalan beberapa strategi berkaitan perolehan/projek Kerajaan agar pelaksanaannya dapat dipercepatkan dan seterusnya mampu memberi kesan berganda kepada ekonomi negara.

Dalam pada itu, pertimbangan pengecualian kaedah perolehan secara rundingan terus dibuat berdasarkan lima (5) kriteria iaitu melibatkan kesegeraan atas kepentingan awam, bagi maksud penyeragaman, satu punca bekalan/perkhidmatan (pembuat/pemegang francais), melibatkan keselamatan/strategik atau kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera sepertimana yang dinyatakan di bawah

Pekeliling Perbendaharaan PP/PK7.15: Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus.

Semua permohonan yang dikemukakan akan dinilai dan diteliti secara menyeluruh daripada pelbagai aspek bagi memastikan kelulusan rundingan terus yang diberikan tetap melindungi kepentingan Kerajaan serta tidak menjejaskan kerancangan perkembangan ekonomi. Kerajaan juga melaksanakan *due diligence* yang sewajarnya bagi memastikan hanya projek yang benar-benar memenuhi kriteria tersebut boleh dipertimbangkan.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan sedang mengkaji semula paparan senarai pengecualian kaedah perolehan secara rundingan terus di Portal MyProcurement.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED  
FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]** minta **MENTERI KESIHATAN** memberikan jumlah kos yang telah dibelanja bagi setiap Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh Malaysia dan senarai syarikat-syarikat yang telah menerima kontrak untuk mengendalikan kesemua PPV tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (ProtectHealth), iaitu anak syarikat milik penuh KKM bertindak sebagai penyelaras bagi pemberian vaksin oleh pengamal perubatan swasta (PPS) dan NGO kesihatan di fasiliti atau di luar fasiliti.
2. ProtectHealth telah melantik sebanyak 2,699 PPS & NGO kesihatan untuk memberikan vaksinasi di 2,513 PPV di seluruh negara. Ini merangkumi pemberian vaksin di fasiliti seperti Pusat Pemberian Vaksin General Practitioners (PPVGP), Hospital Swasta (PPVHS), Klinik Pakar (PPVKP) dan Pusat Jagaan Ambulatori (PPVACC); dan di luar fasiliti seperti PPV Mega / Integrasi, PPV Astra Zeneca, PPV Jangkau Luar (*outreach*) dan PPV Bergerak (*mobile*).
3. Berkaitan kadar bayaran, PPS dan NGO kesihatan yang terlibat dalam PICK menerima RM14 bagi setiap dos vaksin yang diberikan. Sehingga 02 Disember 2021, ProtectHealth telah membayar sebanyak RM324,619,638 kepada 2,699 PPS dan NGO yang terlibat.

**RINGKASAN JUMLAH SYARIKAT PPS DAN NGO KESIHATAN YANG DILANTIK DI BAWAH PROTECTHEALTH CORPORATION MENGIKUT JENIS PPV (PPV DI FASILITI DAN DI LUAR FASILITI- SEHINGGA 15 OKTOBER 2021)**

- i. PPV di Fasiliti : PPVGP/PPVKP/PPVACC/PPVHS
- ii. PPV Luar Fasiliti : PPV Mega/Integrasi/PPVAZ/PPV Jangkau Luar/PPV/Mobile

Bil.	Negeri	Jumlah Syarikat Mengikut Jenis PPV	
		Di Fasiliti	Luar Fasiliti
1.	Johor	277	41
2.	Kedah	127	33
3.	Kelantan	60	15
4.	Melaka	79	23
5.	Negeri Sembilan	88	5
6.	Pahang	92	31
7.	Perak	164	28
8.	Perlis	13	7
9.	Pulau Pinang	110	27
10.	Sabah	96	32
11.	Sarawak	103	21
12.	Selangor	702	80
13.	Terengganu	39	36
14.	WPKL	309	48
15.	WP Labuan	4	0
16.	WP Putrajaya	8	1
<b>Jumlah</b>		<b>2,271</b>	<b>428</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2,699</b>	